



TEKS UCAPAN ALUAN

YBHG. DATO' DR. TS. GERALD SUNDARAJ
TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF (OPERASI) CIDB MALAYSIA

SEMPENA:

MAJLIS GRADUASI KE-12

ABM & CIDB TECHNOLOGIES WILAYAH SARAWAK 2026

BERTEMPAT DI:

PUSAT KONVENSYEN CIDB SARAWAK, KUCHING

PADA:

24 OGOS 2026 (ISNIN)

Terima kasih Pengacara Majlis,

Yang Berhormat

Dato Ir. Haji Yusuf bin Haji Abd. Wahab

Pengerusi CIDB Malaysia

Yang Berusaha

Encik Suhaimi Mansor

Timbalan Ketua Eksekutif (Pembangunan)

CIDB Malaysia

Yang Berusaha

Ts. Rosmen Ag. Hassan

Pengarah CIDB Negeri Sarawak

Yang Berusaha

Tuan Haji Mohd Azizi bin Ali

Ketua Pegawai Eksekutif

CIDB Holdings Sendirian Berhad

Yang Berusaha

Encik Abdul Rahman bin Ahmad

Ketua Pegawai Eksekutif

Akademi Binaan Wilayah Sarawak

Yang Berusaha

Encik Mohd Hafiz bin Dasahi

Ketua Pegawai Eksekutif

CIDB Technologies Sendirian Berhad

*Pengurusan Tertinggi CIDB Malaysia dan Anak Syarikat
Ahli Lembaga ABM Wilayah Sarawak & CIDB Technologies
Rakan Kerjasama Strategik Industri Pembinaan
Para Graduan TVET Pembinaan yang diraikan
Wakil-wakil Media
Ibu Bapa serta hadirin yang dihormati sekalian*

MUKADIMAH

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Sarawak Maju Makmur.

1. Selamat datang saya ucapkan kepada seluruh tetamu, para graduan, ibu bapa dan ahli keluarga yang bersama-sama memeriahkan **Majlis Graduasi Ke-12, Akademi Binaan Malaysia dan CIDB Technologies Wilayah Sarawak**. Pada hari yang penuh bermakna ini, kita dapat bersama-sama berkumpul untuk meraikan kejayaan 150 orang graduan yang telah berjaya menamatkan latihan mereka.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat, Dato Ir. Haji Yusuf bin Haji Abd. Wahab, Pengerusi CIDB Malaysia**, atas kesudian beliau untuk merasmikan majlis pada hari ini.
3. Hari ini kita meraikan **150 orang** graduan yang telah berjaya menamatkan latihan dalam pelbagai bidang kemahiran pembinaan dan berjaya memperolehi **Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP)**. Kejayaan ini bererti mereka membawa bersama kemahiran, disiplin dan kompetensi yang diperlukan untuk menyumbang kepada pembangunan negeri Sarawak dan negara Malaysia.

PERANAN ABM SARAWAK DAN CIDB TECHNOLOGIES

Hadirin yang dihormati,

4. Secara keseluruhannya, rangkaian ABM dan CIDB Technologies di seluruh negara terus melahirkan ribuan tenaga kerja mahir setiap tahun bagi memenuhi keperluan industri pembinaan yang semakin berkembang.
5. ABM Wilayah Sarawak telah ditubuhkan pada **tahun 2000**, manakala CIDB Technologies Cawangan Sarawak mula beroperasi pada tahun **2019**. Kedua-dua institusi ini memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan infrastruktur serta industri pembinaan.
6. Sehingga kini ABM Sarawak dan CIDB Technologies Sarawak telah berjaya melahirkan seramai **38,988** tenaga kerja mahir.
7. Bilangan tenaga kerja mahir yang dilahirkan ini terus menyumbang kepada pembangunan negara melalui pelbagai projek pembinaan, pembangunan industri, kemudahan awam dan infrastruktur di Negeri Sarawak.
8. Bagi saya, inilah ukuran sebenar kejayaan sesebuah institusi latihan. Bukan sekadar berapa ramai yang menerima sijil, tetapi berapa ramai yang berjaya membina kerjaya, menyara keluarga

dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat melalui kemahiran yang dimiliki.

PENGHARGAAN INDUSTRI

9. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik industri yang terus memberikan sokongan kepada ABM dan CIDB Technologies melalui penyediaan peluang latihan industri, peluang pekerjaan dan kerjasama pembangunan kompetensi.
10. Latihan di dalam bengkel ada hadnya. Yang benar-benar mematangkan seorang pelatih menjadi tenaga mahir ialah tapak yang sebenar, dengan cuaca yang sebenar, tekanan masa yang sebenar dan standard keselamatan yang sebenar. Pengalaman itu hanya mampu diberikan oleh industri.
11. Kerjasama erat antara industri dan institusi latihan merupakan faktor penting yang memastikan latihan yang diberikan sentiasa relevan dengan keperluan sebenar pasaran pekerjaan. Pintu CIDB sentiasa terbuka kepada mana-mana rakan industri yang ingin bekerjasama membangunkan kompetensi tenaga kerja kerana keperluan Sarawak pada hari ini jauh lebih besar daripada apa yang mampu dipenuhi oleh mana-mana pihak secara bersendirian.

PENUTUP & PESANAN KEPADA GRADUAN

Para graduan yang saya banggakan,

12. Hari ini anda diraikan sebagai graduan. Mulai esok, anda akan dikenali sebagai tenaga mahir yang bakal membantu membina masa depan Sarawak dan Malaysia.
13. Bawalah kemahiran yang diperolehi dengan penuh integriti, disiplin dan rasa tanggungjawab.
14. Teruskan meningkatkan kompetensi, menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi dan sentiasa mengutamakan keselamatan serta kualiti dalam setiap tugas.
15. Sesungguhnya pembangunan sesebuah negeri tidak hanya bergantung pada bangunan yang didirikan, tetapi juga pada insan yang membinanya.
16. Kepada para tenaga pengajar ABM dan CIDB Technologies Sarawak, terima kasih atas dedikasi dan komitmen anda. Nama anda tidak pernah disebut dalam mana-mana majlis perasmian projek, tetapi hasil kerja anda hadir di dalam setiap projek.
17. Kepada ibu bapa dan ahli keluarga, terima kasih atas sokongan, doa dan pengorbanan yang menjadi tunjang kejayaan anak-anak.

Tahniah sekali lagi kepada semua graduan. Sekian, terima kasih.